

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG 41  
UNTUK BERKHIDMAT DI SEKOLAH DALAM HOSPITAL**

1. Permohonan adalah dipelawa daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang berkelayakan untuk mengisi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 / DG44(KUP) di Sekolah Dalam Hospital berikut:
  - 1.1 SDH Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis
  - 1.2 SDH Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, Terengganu
  - 1.3 SDH Hospital Tawau, Tawau, Sabah
  
2. Syarat Umum:
  - i. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia;
  - ii. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
  - iii. Bebas dari tindakan tatatertib atau tindakan Mahkamah; dan
  - iv. Mempunyai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik untuk tiga (3) tahun terakhir
  
3. Syarat Khusus:
  - i. Sekurang-kurangnya telah mengajar selama lima (5) tahun.
  - ii. Bersedia berkhidmat di SDH sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
  - iii. Mempunyai kelulusan, pengalaman atau kemahiran dalam mata pelajaran teras (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik atau Pendidikan Islam) atau Prasekolah.
  - iv. Sihat fizikal dan tidak mempunyai sakit kronik.
  - v. Mempunyai minat dan iltizam yang tinggi berkhidmat dalam institusi untuk murid bermasalah kesihatan.
  - vi. Tidak mempunyai perasaan takut, alahan dan jijik dengan persekitaran hospital.
  
4. Permohonan daripada sekolah:
  - 4.1 Bagi guru di Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah, borang permohonan **MESTI** melalui Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing;
  - 4.2 Bagi guru di Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik, borang permohonan **MESTI** melalui Pengarah Bahagian Pengurusan Teknik dan Vokasional (BPTV), KPM.
  - 4.3 Bagi guru di SMKA dan SABK, borang permohonan **MESTI** melalui Pengarah Bahagian Pendidikan Islam.

5. Cara Memohon:

5.1 Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun di laman sesawang berikut:

- a. [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my) atau
- b. <http://www.moe.gov.my/bpkhas/v2>

5.2 Semua permohonan hendaklah disertakan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemaskini dan disahkan, salinan sijil / dokumen sokongan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan); dan dihantar melalui Ketua Jabatan kepada:

**PENGARAH  
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS 2, BLOK E2 KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA**

5.3 Sila tuliskan **PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED DG41** di sebelah atas kiri sampul surat permohonan.

6. Tarikh tutup permohonan ialah **08 Oktober 2014(Rabu)**.

**CATATAN:** Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga. Calon-calon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.